



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-553 3333

Ruj. Kami : UTM.J.04.05.02/15.16/1(85)
Tarikh : 7 Februari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

Saudara,

PELANTIKAN SEBAGAI JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN SISTEM REPOSITORI PERPUSTAKAAN (UTM-IK CENTRALIZED REPOSITORY SYSTEM) JABATAN PERPUSTAKAAN UTM

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Perpustakaan UTM akan melaksanakan pembangunan sistem baharu iaitu Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) yang merupakan *Key High Impact Result* (KHIR) bagi Pelan Tindakan 2024 enVision UTM 2025 Perpustakaan UTM. Bersama ini dilampirkan struktur organisasi jawatankuasa induk dan *Term of Reference* (TOR) sebagai rujukan. **(Rujuk Lampiran 1)**

3. Sehubungan dengan itu, pihak Pengurusan Jabatan Perpustakaan UTM telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai **Jawatankuasa Induk Pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) Jabatan Perpustakaan UTM** berkuatkuasa mulai **9 Januari 2024** sehingga projek pembangunan sistem ini selesai.

4. Di kesempatan ini pihak jabatan mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan menaruh kepercayaan bahawa saudara mampu dan berupaya untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh dedikasi dan berwibawa.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan saudara selanjutnya. Atas segala kerjasama saudara dalam melaksanakan tanggungjawab di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menjalankan amanah,

(NOR ASIKIN BINTI MOHAMAD)

Ketua Pustakawan
Jabatan Perpustakaan UTM

☎ : 07-5530101

✉ : asikin@utm.my

s.k - Semua TKP dan KS
- Fail Peribadi

SENARAI EDARAN

Cik Haslina binti Othman

Timbalan Ketua Pustakawan (Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi)

Encik Mohd Fuad bin Mohamed Yusof

Ketua Seksyen Koleksi Khas & Repositori

Encik Yusrul Hisham bin Mohd Yusof

Ketua Seksyen Automasi & Multimedia

Encik Mohammad Fikri bin Yusof

Bahagian Perkhidmatan

Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru.

Puan Haslina binti Hussin

Puan Junaidah binti Abdullah

Puan Nabilah binti Jamil

Cik Nur Nisa Sabrina binti Muhd Muhadir

Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi

Encik Mohamad Fahiezan bin Md Zan

Encik Sharul bin Ismail

Cik Aida Nadhirah binti Rodzuan

Encik Ahmad Luqman bin Abd Hamid

Bahagian Automasi & Multimedia

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru.

Puan Sharifah Ezathul Imma binti Syed Zainal Abidin

Puan Khairun Nadrah binti Khalid

Encik Mohd Zaidi bin Othman

Bahagian Perpustakaan UTM Kuala Lumpur (PSZKL).

LAMPIRAN 1

JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN SISTEM REPOSITORI PERPUSTAKAAN (UTM-IK CENTRALIZED REPOSITORY SYSTEM), JABATAN PERPUSTAKAAN UTM

PENASIHAT

Puan Nor Asikin binti Mohamad

PENYELARAS

Cik Haslina binti Othman

KETUA PROJEK

Encik Mohd Fuad bin Mohamed Yusof

Nama Jawatankuasa	Ahli	Tanggungjawab
Jawatankuasa Penyelaras Modul & Semakan Data	Pn. Haslina binti Hussin (Ketua) Cik Nur Nisa Sabrina binti Muhd Muhadir Pn. Junaidah binti Abdullah Pn. Nabilah binti Jamil En Mohammad Fikri bin Yusof En. Muhammad Afiq Izzuddin bin Mat Jari Pn. Sharifah Ezathul Imma binti Syed Zainal Abidin Pn Khairun Nadrah binti Khalid En Mohd Zaidi bin Othman	Modul UTM-IR & UTM-DMS Modul UTM-RDM Modul UTM-DMS (Koleksi Khas) Modul UTM-DMS (Galeri) Modul UTM-DMS (ILL) Modul UTM Lenses Modul UTM-DMS (PSZ KL) Modul UTM-DMS (ILL) (PSZ KL) Modul UTM Lenses (PSZKL)
Jawatankuasa Teknikal	En. Yusrul Hisham bin Mohd Yusof (Ketua) En. Mohamad Fahiezan bin Md Zan En. Sharul bin Ismail Cik Aida Nadhirah binti Rodzuan En. Ahmad Luqman Abd Hamid	Tetapan Parameter, Tetapan Pengurusan Pengguna, Tetapan Hak Akses, Tetapan Keselamatan Sistem, Tetapan & Konfigurasi <i>Server</i> , Semakan Konfigurasi Sistem, Semakan Proses Migrasi Data
Jawatankuasa Latihan	En. Mohamad Fahiezan bin Md Zan (Ketua) Cik Aida Nadhirah binti Rodzuan En. Ahmad Luqman Abd Hamid	Latihan Modul Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System)
Jawatankuasa Dokumentasi	Pn. Nabilah binti Jamil (Ketua)	Dokumentasi Pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System)

JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN SISTEM REPOSITORI PERPUSTAKAAN (UTM-IK CENTRALIZED REPOSITORY SYSTEM), JABATAN PERPUSTAKAAN UTM

Term of Reference (TOR)

Peranan Jawatankuasa Induk

1. Ahlinya terdiri daripada pengurusan tertinggi Perpustakaan UTM dan Pegawai UTM Digital yang dilantik.
2. Membantu di dalam mengemudi projek dari awal sehingga pelaksanaan projek di Perpustakaan UTM.
3. Memberikan input dan nasihat kepada pembangunan projek yang telah dirancang.
4. Mengenal pasti keutamaan projek dan kebarangkalian risiko yang berpotensi.
5. Pemantauan kualiti projek sepanjang pembangunannya.

Peranan Penyelaras Projek

1. Bertanggungjawab menentu, merancang dan menguruskan projek pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System).
2. Melaporkan perkembangan aktiviti pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Jabatan Perpustakaan UTM atau mana-mana mesyuarat yang berkaitan.
3. Memohon sumber projek mengikut perancangan projek yang telah diluluskan.
4. Memastikan pasukan pelaksana jelas dengan peranan mereka dan objektif projek serta menerima tanggungjawab yang akan dilaksanakan.
5. Bekerjasama dengan pasukan pelaksana bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.
6. Memaklumkan status dan perkembangan projek kepada AJK Induk mengikut keperluan dan kekerapan yang telah dipersetujui.

Peranan Ketua Projek

1. Memastikan aktiviti pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) mengikut perancangan yang telah ditetapkan.
2. Memantau aktiviti pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System).
3. Melaporkan perkembangan aktiviti pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) kepada Penyelaras Projek.
4. Memastikan ahli pasukan memahami peranan dan tanggungjawab mereka.
5. Memastikan keperluan pembangunan sistem baru dapat memenuhi keperluan sistem semasa.
6. Memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
7. Memperolehi laporan kemajuan projek dari ahli pasukan dan memaklumkan kepada Penyelaras Projek.

Peranan Jawatankuasa Teknikal

1. Memastikan penetapan parameter dilakukan sepenuhnya mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
2. Memastikan semua modul dalam Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) berfungsi sepenuhnya.
3. Memastikan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-IK Centralized Repository System) berfungsi dan beroperasi dengan baik selepas dilancarkan.
4. Memastikan semua rekod metadata yang dipindahkan dapat diakses sepenuhnya.
5. Memastikan pelayan (*server*) dapat berfungsi dengan baik.
6. Memastikan dokumentasi yang melibatkan aspek teknikal dilaporkan kepada pihak Jawatankuasa Induk.

Peranan Jawatankuasa Latihan

1. Memastikan latihan diberikan kepada semua pemilik modul.
2. Memastikan latihan adalah bersesuaian dengan modul yang digunakan serta merangkumi fungsi-fungsi khusus yang berkaitan dengan modul tersebut.

3. Bekerjasama dengan pihak pembekal dalam menjalankan latihan kepada pemilik modul.

Peranan Jawatankuasa Dokumentasi

1. Memastikan semua perkara berkaitan pembangunan Sistem Repositori Perpustakaan (UTM-UK Centralized Repository System) didokumentasikan dan mudah diakses.
2. Bertanggungjawab ke atas dokumentasi pembangunan sistem dari aspek menyusun bagi keperluan mesyuarat, perbincangan, bengkel, pemakluman melalui emel/surat, penyediaan manual penggunaan dan kompilasi dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan keperluan sistem.

Peranan Jawatankuasa Penyelaras Modul & Semakan Data

1. Melaksana dan memantau aktiviti penyediaan senarai medan mengikut jenis bahan dari sistem repositori lama untuk tujuan semakan dan mengemaskini keperluan medan pada sistem baharu.
2. Melaksana dan memantau aktiviti dalam mengenalpasti medan baharu sebagai nilai tambah kepada sistem yang akan dibangunkan.
3. Melaksana dan memantau aktiviti dalam mengenalpasti ciri-ciri baharu *data entry* sebagai nilai tambah kepada sistem yang akan dibangunkan.
4. Melaksana dan memantau aktiviti mengenalpasti kelemahan serta kekurangan sistem repositori sedia ada untuk menambah baik kepada sistem repositori baharu yang akan dibangunkan.
5. Melaksana dan memantau aktiviti mengenalpasti rekod bermasalah dan proses pembersihan rekod sebelum proses migrasi data dilaksanakan.
6. Melaksana dan memantau aktiviti menyemak penggunaan nama medan baharu bagi tujuan penyelarasan penggunaan nama medan selaras dengan piawaian umum metadata.
7. Melaksana dan memantau aktiviti semakan rekod bahan selepas proses migrasi data bagi memastikan rekod dari sistem repositori lama yang dipindahkan adalah tepat pada paparan pengguna di sistem repositori baharu.

8. Melaksana dan memantau aktiviti pelaksanaan ujian ke atas sistem repositori baharu melibatkan pengisian metadata serta pendepositan fail lampiran sebagai sebahagian proses mengenalpasti masalah dan kelancaran sistem repositori baharu.
9. Melaksana dan memantau aktiviti proses pembersihan rekod selepas migrasi data (mengikut keperluan sekiranya ada).
10. Melaksana dan memantau aktiviti penyediaan laporan hasil kajian soal selidik pengguna.

Kemaskini: 07 Feb 2024/AJK Induk